

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
6 March 2016

DAP TAK RUGI BERSAMA MAHATHIR

Agenda jatuhkan Najib dan menjahanamkan UMNO

UM-6/3/2016

ADA yang terkejut bercampur baurin bagaimana Tun Dr. Mahathir Mohamad, 91, boleh muncul bersama musuh nombor satunya dalam politik. Pemasihat DAP Lim Kit Siang dalam satu majlis menandatangani satu deklarasi "Selamatkan Malaysia". Macam tak percaya, mimpikah? Tetapi itulah politik.

Adakah mariah perjuangan UMNO dan perjuangan Dr. Mahathir sendiri akan jatuh ke paras yang tidak bernilai dan konsisten? Apakah gerakan daripada negarawan ini akan mengelirukan masyarakat Melayu khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Ahli UMNO tidak akan lupa sentuhan Dr. Mahathir dalam memupuk perpaduan parti. Antaranya, suatu ketika semasa Parti Melayu Semangat 46 (S46) "berkelana" di luar UMNO, beberapa pemimpin utama parti itu dinasihatkan oleh Dr. Mahathir supaya kembali ke gangkal jalan - ke perjuangan UMNO baharu agar kepimpinan dan kejutan parti kembali relevan.

Kalau ditanya kepada bekas pemimpin-pemimpin S46 yang masih mengingati sanario itu, mereka akan cepat menjawab: "Ya, sembilan tahun itu, kami sudah koma 'si perat DAP'".

Pemulis memberikan peluasan dua individu, Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak), Tan Sri Abdul Aziz Rahman dan bekas Naib Pengerusi DAP Kebangsaan, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim yang "masak" dengan peragai Kit Siang, mengulas insiden di Rumah Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya di Jalan Susur Damapara Jumaat lalu.

Berikut komen kedua-duanya.



TUN Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta beberapa pemimpin pembangkang yang turut hadir pada sidang akhbar selepas merandatangani deklarasi menuntut Penyingkiran Perdana Menteri di Kelab Alumni Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 4 Mac lalu.



Lihatlah, Melayu di Malaysia bukan sahaja pecah tiga (UMNO, Pas, PKR) tetapi sudah tambah satu lagi (PAN). Jangan nak cakap pasal ketuanan Melayu, hal politik Melayu itu sahaja sudah cukup untuk memusnahkan. Orang Pas lebih bijak menghargai kuasa Melayu."

ABDUL AZIZ RAHMAN
Presiden Mubarak

"TINDAKAN Dr. Mahathir ini Mubarak anggap seperti 'terlanjur'. Beliau seorang negarawan yang selama ini mempunyai prinsip untuk menegakkan perjuangan melalui UMNO. Namun disebabkan perkara-perkara peribadi, beliau bukan sahaja telah dua kali keluar UMNO tetapi bersekongkol pula dengan orang yang dulunya menjadi musuh nombor satunya.

Mubarak faham politik biasanya menyaksikan perubahan, kalau sama sahaja, itu lamalah. Tetapi nampaknya prinsip beliau hanya mahu menjatuhkan Datuk Seri Najib sehingga sanggup tinggalkan UMNO dalam arus politik perdana.

Mubarak masih mengingati bagaimana sukarnya UMNO dan Dr. Mahathir mahu bertapak dan menempuh perjuangan parti yang begitu getir.

Cuma selepas tidak lagi menyandang jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO, sesiapa sahaja yang mengotai kerajaan, akan 'dikritik' beliau dan

ABDUL AZIZ

kemudian berusaha menjatuhkan mereka.

Namun politik di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia tidak pula begitu. Tiada pula bekas Presiden atau bekas Perdana Menteri yang main politik selepas bersara.

Presiden Amerika Syarikat yang berundur, akan beri syarahan di universiti atau forum tertentu sahaja. Tetapi di negara ini tidak begitu.

Apabila Dr. Mahathir berkawan dengan musuh-musuh UMNO semata-mata untuk menjatuhkan UMNO dan dengan ditambah status negarawan yang disandangnya, nampaknya legasi beliau telah tergores besar. Sepatutnya dalam berdepan dengan kepimpinan kerajaan sedia ada, Dr. Mahathir bertindak seperti "menarik rambut dalam tepung, rambut tak putus, tepung tak berselerak".

Kalau hancur parti, akan susahlah nak kembali (bertaut) kerana hancurnya bersepai. Macam di Selangor, BN sulak hendak kembali kerana mereka yang telah bertapak akan dirikan tembok yang kukuh di sekeliling mempertahankan kubu sehingga bila-bila.

Cuma, Mubarak nampak kebijaksanaan Pas dalam petikara ini apabila enggan terlibat menyertai majlis deklarasi menuntut Perdana Menteri disingkirkan. Pas merasakan ada kaedah dan caranya melalui pilihan raya umum dan bukan dengan merasakan secara total yang bertentangan dari segi agama dan bangsa.

Dr. Mahathir mesti renungkan bahawa Malaysia bukannya didiami 90 peratus orang Islam seperti Indonesia yang hampir 100 peratus pribumi. Lihatlah, Melayu di Malaysia bukan sahaja pecah tiga (UMNO, Pas, PKR) tetapi sudah tambah satu lagi (PAN).

TUNKU ABDUL AZIZ

"INI tindakan terdesak Dr. Mahathir. Apakah kita ingat Kit Siang nak jaga orang Melayu?"

Kita bukan budak kecil yang tidak mampu menilai DAP. Mata kita ini dibuka dan telah melihat bagaimana DAP menggunakan orang Melayu dari Pas, PKR dan kini PAN untuk mencapai kemenangan dalam pilihan raya.

Kalau serakat penyokong Cina tegar mereka, DAP tidak akan boleh perintah bukan sahaja negara ini, bahkan di Pulau Pinang pun.

Sesiapa pun boleh lihat DAP pernah bertawan dengan Pas, tetapi bergaduh besar juga.

Bersama dengan sekutu pembangkang pun tidak serasi, sekarang pula nak buat "sekutu" baharu dengan orang lain (Dr. Mahathir dan Timbalan Presiden UMNO yang digantung, Tan Sri Muhyiddin Yassin).

Motifnya semua tua hanya untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib dan merosakkan UMNO. Agenda terbesar sudah tentu untuk menjahanamkan UMNO.

DAP bukannya bodoh, dia faham kalau tidak ada sokongan orang Melayu, itu pun kerjasama dengan Pas sudah terbantut, maka bekerjasama dengan Dr. Mahathir tentu tidak ada ruginya.

Yang kita sedih, setelah apa yang diperoleh Dr. Mahathir selama ini daripada UMNO, ini yang beliau "bayar" balik.



Memang tidak semestinya kita bersetuju selalu, tetapi apa yang kita nak sampaikan tidaklah sehingga merosakkan seperti sebegini. Orang sebegini bukan pemimpin, tetapi oportunist."

TUNKU ABDUL AZIZ TUNKU IBRAHIM
Bekas Naib Pengerusi DAP

Kalau tidak bersetuju dengan pemimpin UMNO sekarang, janganlah sehingga terlampau benci sebegini.

Lihatlah Pas yang menggunakan akal pemikirannya dan tidak berentosi. Ya, memang senang nak menjatuhkan, tetapi selepas itu apa nak jadi.

Memang tidak semestinya kita bersetuju selalu, tetapi apa yang kita nak sampaikan tidaklah sehingga merosakkan seperti sebegini. Orang sebegini bukan pemimpin, tetapi oportunist.